

Dinamik Hubungan Diplomatik Türkiye-Israel: Kajian Retrospektif dari Tahun 1949 hingga 2002

The Dynamics of Türkiye-Israel Diplomatic Relations: A Retrospective Study from 1949 to 2002

Nur Syahirah Nor Hidayah

Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.
syahirah91@siswa.um.edu.my

Mohd Roslan Mohd Nor (Corresponding Author)

Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.
m_roslan@um.edu.my

Mohamad Fikri Mohd Bakri

Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia
bakrifikri07@gmail.com

Azka Madihah

Jabatan Pengajian Timur Tengah.
Ankara Sosyal Bilimler Üniversitesi
Hükümet Meydanı No: 2 06050 Ulus, Altındağ
Ankara, Türkiye.
azka.madiah2@student.asbu.edu.tr

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no1.1>

Abstract

This article analyzes the diplomatic relationship between Türkiye and Israel from 1949 to 2002 within the context of Türkiye's foreign policy transformation following the fall of the Ottoman Caliphate, as well as the influence of regional and global geopolitical forces. Türkiye's official recognition of Israel in 1949 marked the beginning of a complex bilateral relationship, shaped by the legacy of secularism introduced by Mustafa Kemal Atatürk and Türkiye's strategic alignment with the Western bloc during the Cold War era. Adopting a retrospective approach, the study examines how the legacy of the 1916 Sykes-Picot Agreement and broader imperial strategies that dismantled Islamic political institutions influenced Türkiye's foreign policy narrative, particularly in relation to the Palestinian issue. Using historical and political analysis, this article traces patterns of diplomatic, military, and economic cooperation between the two nations, as well as the tensions arising from the

protracted Palestinian-Israeli conflict. The findings reveal that although Türkiye-Israel relations have developed within a framework of pragmatic cooperation, they remain deeply affected by historical memory, domestic pressures, and Türkiye's aspirations to restore regional Islamic solidarity. This study makes a significant contribution to understanding the dynamics of Türkiye's foreign policy and its position within the postmodern geopolitical landscape of the Middle East.

Keywords: relationship; Türkiye-Israel; diplomatic; economic; military

Abstrak

Artikel ini menganalisis hubungan diplomatik antara Türkiye dan Israel dari tahun 1949 hingga 2002 dalam konteks perubahan dasar luar Türkiye pasca-Khilafah Uthmaniyyah dan pengaruh geopolitik serantau serta global. Pengiktirafan rasmi Türkiye terhadap Israel pada tahun 1949 menandakan titik mula hubungan dua hala yang kompleks dipengaruhi oleh warisan sekularisme yang dibawa oleh Mustafa Kemal Atatürk serta kedudukan Türkiye sebagai negara yang strategik dalam blok Barat semasa era Perang Dingin. Artikel ini juga mengambil pendekatan retrospektif untuk menilai bagaimana legasi Perjanjian Sykes-Picot 1916 dan strategi imperialis yang memecah institusi politik Islam telah membentuk naratif dasar luar Türkiye khususnya dalam isu Palestin. Dengan menggunakan pendekatan analisis sejarah, artikel ini menelusuri corak kerjasama diplomatik, ketenteraan dan ekonomi antara kedua-dua negara, serta ketegangan yang timbul akibat konflik Palestin-Israel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun hubungan Türkiye-Israel bergerak dalam kerangka kerjasama pragmatik, namun ia tetap dipengaruhi oleh memori sejarah, tekanan domestik dan aspirasi Türkiye terhadap pemulihan semula solidariti Islam serantau. Artikel ini memberikan sumbangan penting dalam memahami dinamika dasar luar Türkiye dan kedudukannya dalam landskap geopolitik Asia Barat pascamoden.

Kata Kunci: hubungan; Türkiye-Israel; diplomatik; ekonomi; ketenteraan

Pendahuluan

Kekejaman berterusan rejim Zionis terhadap penduduk awam Gaza sejak Oktober 2023 telah mencetuskan reaksi keras daripada Türkiye, khususnya melalui kenyataan tegas Presiden Recep Tayyip Erdoğan yang menolak sekeras-kerasnya pembentukan satu lagi "tatanan Sykes-Picot baharu yang sempadannya dilakar

dengan darah”.¹ Kenyataan ini bukanlah respons yang lahir dalam kekosongan politik, sebaliknya berakar daripada kesedaran sejarah yang mendalam terhadap warisan penjajahan dan strategi pemecahan geopolitik yang digerakkan oleh kuasa kolonial Barat sejak awal abad ke-20. Perjanjian Sykes-Picot 1916 sebagai simbol utama kepada penjajahan struktur Timur Tengah pasca-Khilafah Uthmaniyyah menjadi asas kepada kewujudan sempadan-sempadan moden yang memecahkan kesatuan umat dan membuka jalan kepada projek kolonial Zionisme di Palestin.²

Dalam dokumen yang tersimpan di arkib rasmi British, terdapat pendedahan yang jelas tentang matlamat strategik imperialis terhadap dunia Islam pasca-Perang Dunia Pertama. Sebuah memorandum sulit yang dikarang oleh Sir Frederic Hirtzel bertarikh 20 Januari 1917 (IOR/L/PS/18/B247) memperincikan keperluan untuk memindahkan institusi khilafah daripada Türkiye ke wilayah Arab (Hijaz) yang dilihat sebagai satu usaha terancang bagi menamatkan peranan Istanbul sebagai pusat simbolik dan politik kekhalifahan Islam.³ Langkah ini mencerminkan hasrat British untuk melemahkan kesatuan politik umat Islam yang berpusat di Anatolia. Selanjutnya, dalam mesyuarat Kabinet British bertarikh 9 Disember 1918 dikemukakan cadangan agar Syria dipisahkan daripada Anatolia sebagai sebahagian daripada strategi untuk menstruktur semula wilayah Uthmaniyyah.⁴ Dokumen tersebut turut menyatakan sokongan terhadap penubuhan sebuah entiti Yahudi di Palestin yang berfungsi sebagai negeri penampakan bertujuan untuk menyekat pengaruh kuasa-kuasa yang dianggap sebagai ancaman kepada kepentingan British, khususnya dalam usaha mereka mempertahankan laluan strategik seperti Terusan Suez.

¹ Directorate of Communications, “As Muslims, it is Imperative for us to act in Unity and Solidarity,” laman sesawang *Republic of Türkiye Directorate of Communications*, diakses 25 Jun 2025, <https://www.iletisim.gov.tr/english/haberler/detay/as-muslims-it-is-imperative-for-us-to-act-in-unity-and-solidarity>.

² Directorate of Communications, “We will not allow a New Order whose Borders will be Drawn with Blood to be established in Our Region,” laman sesawang *Republic of Türkiye Directorate of Communications*, diakses 25 Jun 2025, <https://www.iletisim.gov.tr/English/haberler/detay/we-will-not-allow-a-new-order-whose-borders-will-be-drawn-with-blood-to-be-established-in-our-region>.

³ Frederick Hirtzel, *Memorandum on Caliphate and Muslim policy [IOR/L/PS/18/B247] British Library: India Office Records* (London: UK, 1917) .

⁴ British War Cabinet. *The Strategic Importance of Syria to the British Empire [CAB 24/80/241]* (Kew: UK, 1918).

Dalam konteks ini, pemahaman terhadap hubungan Türkiye-Israel tidak dapat dipisahkan daripada latar sejarah penjajahan dan keruntuhan institusi-institusi politik Islam yang dahulunya disatukan di bawah panji Khilafah Uthmaniyyah. Sebelum 1916, wilayah-wilayah seperti Hijaz, Baitulmaqdis, Baghdad dan Damsyik berada dalam jaringan politik yang dinaungi oleh pusat kekuasaan Uthmaniyyah. Namun, strategi penjajahan British dan Perancis secara sistematik memecahkan jaringan ini di mana Syria dan Iraq diletakkan di bawah mandat asing, Palestin dijadikan lokasi pembentukan negara Yahudi sebagai 'buffer state', manakala Hijaz diserahkan kepada elit tempatan yang disokong oleh British iaitu Sharif Husayn. Memorandum sulit Sir Frederic Hirtzel (1917) serta dokumen kabinet British (1918) secara terang menunjukkan rancangan terancang untuk menamatkan simbol kekuasaan Islam berpusat di Istanbul serta mencegah kebangkitan semula sebarang pusat kuasa Islam di rantau tersebut.

Pengiktirafan rasmi Türkiye terhadap Israel pada tahun 1949, hanya setahun selepas peristiwa Nakbah merupakan detik penting dalam sejarah hubungan luar Türkiye moden. Tindakan ini dilakukan oleh pemerintahan Presiden İsmet İnönü sebagai lanjutan daripada dasar sekularisme dan orientasi pro-Barat yang diasaskan oleh Mustafa Kemal Atatürk selepas kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah. Perkara ini menjadi isyarat kepada peralihan Türkiye daripada warisan politik Islam Uthmaniyyah kepada sebuah negara bangsa sekular yang ingin menyesuaikan dirinya dengan tatanan antarabangsa pasca-Perang Dunia Kedua. Dalam suasana Perang Dingin, Türkiye menjalin kerjasama rapat dengan blok Barat termasuk dalam bidang keselamatan, diplomatik dan ekonomi. bahkan hubungan dengan Israel menjadi sebahagian daripada strategi geopolitik ini.

Walau bagaimanapun, hubungan Türkiye-Israel tidak pernah bebas daripada ketegangan identiti dan sejarah. Ketika Ankara cuba menyesuaikan dasar luar negerinya dengan tuntutan sekularisme dan orientasi Barat, isu Palestin tetap menjadi batu ujian utama. Dalam banyak keadaan, dasar Türkiye terpaksa mengimbangi antara tekanan geopolitik global dan solidariti terhadap perjuangan Palestin yang hidup dalam kesedaran sejarah dan sentimen kolektif masyarakat Islam. Maka, artikel ini bertujuan untuk menganalisis dinamik hubungan Türkiye-Israel

dari tahun 1949 hingga 2002 dengan menelusuri tiga dimensi utama yaitu diplomatik, ekonomi dan ketenteraan dalam konteks perubahan dalaman Türkiye pasca-Atatürk serta tekanan geopolitik serantau dan global. Kajian ini juga menilai bagaimana legasi Perjanjian Sykes-Picot dan strategi imperialis terus membayangi hubungan antarabangsa Türkiye, serta bagaimana memori sejarah dan identiti Islam kekal menjadi elemen penting dalam menentukan arah dasar luar Türkiye khususnya dalam menangani isu Palestin dan lanskap politik Asia Barat secara keseluruhan.

Penubuhan Republik Türkiye dan Legasi Sekularisme Mustafa Kemal Atatürk

Penubuhan Republik Türkiye pada awal abad ke-20 menandakan perubahan yang mendalam dan mendasar dalam sejarah negara ini yang ditandai dengan pengenalan prinsip sekularisme oleh Mustafa Kemal Atatürk. Setelah kejatuhan erajaan Uthmaniyyah, Atatürk muncul sebagai tokoh utama yang tidak hanya menyatukan rakyat Türkiye dalam era moden, tetapi juga mengarahkan negara kepada pembentukan identiti kebangsaan yang berorientasi kepada model Barat. Proses ini dimulai pada 23 Mac 1920 dengan penubuhan Grand National Assembly of Turkey (Parlimen Agung Kebangsaan Türkiye)⁵ yang diikuti dengan pengiktirafan antarabangsa terhadap pembentukan negara baru

⁵ Setelah penubuhan Grand National Assembly, Atatürk memutuskan untuk menghapuskan sistem kesultanan Uthmaniyyah yang telah sekian lama menjadi simbol pemerintahan negara. Pada 1 November 1922, Kesultanan Uthmaniyyah secara rasmi dibubarkan dan Sultan Mehmet VI yang merupakan khalifah terakhir, diusir dari Istanbul. Ini menandakan berakhirnya pemerintahan monarki dan kekhalfahan yang telah lama bertahan. Helen Chapin Metz, *Turkey A Country Study* (Washington: Federal Research Division, Library of Congress, 1996), 35.

melalui Perjanjian Lausanne⁶ pada 24 Juli 1923.⁷ Pada 29 Oktober 1923, Republik Türkiye diisytiharkan secara rasmi bagi menggantikan kerajaan Uthmaniyyah yang telah runtuh selepas lebih daripada enam abad memerintah. Pada saat yang sama, Khalifah Uthmaniyyah terakhir, Sultan Mehmet VI telah diasingkan sebagai menandakan berakhirnya era kekhalifahan Islam Uthmaniyyah dan bermulanya era pemerintahan sekular di bawah Atatürk.⁸

Atatürk yang telah diangkat sebagai presiden pertama Türkiye menerapkan dasar sekularisme yang menyeluruh dalam sistem pemerintahan dan kehidupan sosial. Dasar ini bukan sahaja bertujuan untuk memisahkan agama daripada urusan negara, akan tetapi menjadikan Türkiye sebuah negara moden dengan identiti yang lebih cenderung kepada nilai Barat. Menurut Arfan Mu'ammam, terdapat enam prinsip utama disebalik pemerintahan Atatürk yang dikenali sebagai Kemalisme (nilai Kemal) dalam membentuk acuan baru bagi Republik Türkiye. Prinsip tersebut adalah 1) Republikanisme yang merujuk kepada Türkiye moden yang melaksanakan sistem demokrasi yang dipimpin oleh presiden,⁹ ia juga lebih kepada proses menggantikan kerajaan Uthmaniyyah kepada republik Türkiye dan bukannya pemerintah yang autokratik; 2) Nasionalisme iaitu prinsip ini tidak berdasarkan agama dan ras akan tetapi berdasarkan

⁶ Perjanjian Lausanne (1923) adalah perjanjian terakhir yang menamatkan Perang Dunia I. Perjanjian ini ditandatangani oleh wakil-wakil dari Türkiye (pengganti Empayar Uthmaniyyah) di satu pihak, dan oleh Britain, Perancis, Itali, Jepun, Greece, Romania, dan Kerajaan Serb, Kroat, dan Slovenia (Yugoslavia) di pihak yang lain. Perjanjian ini ditandatangani di Lausanne, Switzerland, pada 24 Juli 1923, selepas satu konferens selama tujuh bulan. Perjanjian ini mengiktiraf sempadan negara moden Türkiye. Türkiye tidak membuat tuntutan ke atas wilayah-wilayah Arabnya yang dahulu dan mengiktiraf pemilikan Britain ke atas Cyprus serta pemilikan Itali ke atas Dodecanese. Sekutu juga menarik balik tuntutan mereka untuk memberi autonomi kepada Kurdistan Türkiye dan tuntutan ke atas wilayah Türkiye untuk Armenia, menghentikan tuntutan mereka untuk pengaruh di Türkiye, dan tidak mengenakan kawalan terhadap kewangan atau angkatan tentera Türkiye. Selat Türkiye antara Laut Aegean dan Laut Hitam diisytiharkan terbuka untuk semua pelayaran. Adam Augustyn, "Treaty of Lausanne," laman sesawang *Britannica*, diakses 5 Mei 2025, <https://www.britannica.com/event/Treaty-of-Lausanne-1923>.

⁷ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Türkiye: Peneraksanaan Islam dan Kepimpinan Erdogan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015). 34

⁸ Helen Chapin Mets, *Turkey A Country Study*, 35.

⁹ Helen Chapin Mets, *Turkey A Country Study*, 35.

kewarganegaraan,¹⁰ prinsip ini menjadi asas kepada patriotisme kebangsaan bagi masyarakat Türkiye,¹¹; 3) Populisme yang merujuk kepada perlindungan hak asasi manusia terhadap hukuman¹² dan penguasaan mutlak oleh rakyat,¹³; 4) Etatisme yang menggambarkan usaha Republik Türkiye bagi menangani masalah yang tidak mampu dilaksanakan oleh sektor swasta dalam pembangunan ekonomi; 5) Sekularisme yang memisahkan agama dan pentadbiran negara,¹⁴ ia dilaksanakan dalam sistem perundangan, pendidikan, perlembagaan Türkiye dan dipisahkan dari politik negara¹⁵ serta yang; 6) Revolusionisme, iaitu proses modenisasi yang menjadikan Türkiye sebuah negara yang mempunyai peradaban tinggi setanding dengan negara-negara Barat¹⁶ dan menerima transformasi secara tetap.¹⁷ Setiap prinsip ini menggambarkan langkah signifikan untuk memperkenalkan perubahan sosial dan politik yang akan mentransformasikan negara Türkiye ke dalam bentuk yang lebih progresif dan berdaya saing di peringkat global.¹⁸

Prinsip sekularisme adalah yang paling menonjol dan diperkukuhkan melalui pemisahan agama dan negara dalam perlembagaan, sistem perundangan dan pendidikan. Malah, prinsip ini adalah teras kepada transformasi masyarakat Türkiye pasca kekhalifahan Uthmaniyyah. Dengan memisahkan agama dari politik, Atatürk menafikan peranan Islam sebagai panduan utama dalam pentadbiran negara. Dari satu sisi, tindakan ini bukan sahaja untuk memutuskan hubungan masyarakat Türkiye dengan warisan sejarahnya, tetapi juga untuk membuka jalan bagi integrasi Türkiye ke dalam peradaban Barat yang lebih moden.

¹⁰ M. Arfan Mu'ammam, "Kritik Terhadap Sekularisasi Türkiye: Telaah Historis Transformasi Türkiye Usmani," *Episteme* 11.1 (2016), 138.

¹¹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Türkiye*, 35.

¹² M. Arfan Mu'ammam, "Kritik Terhadap Sekularisasi Türkiye," 138.

¹³ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman, "*Sekularisme dan Proses Demokrasi di Türkiye*," 35.

¹⁴ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman, "*Sekularisme dan Proses Demokrasi di Türkiye*."

¹⁵ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman, "*Sekularisme dan Proses Demokrasi di Türkiye*."

¹⁶ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman, "*Sekularisme dan Proses Demokrasi di Türkiye*."

¹⁷ M. Arfan Mu'ammam, "Kritik Terhadap Sekularisasi Türkiye," 139.

¹⁸ Henry Kissinger, *World Order* (Great Britain: Clays Ltd, St Ives, 2014), 185.

Atatürk berpendapat bahawa bangsa yang bertamadun adalah bangsa yang dipandu oleh akal, logik dan pemikiran bebas. Justeru, rakyat Türkiye harus bergerak ke arah tersebut.

Menurut Kamil Dąbrowski, walaupun prinsip Kemalisme berjaya membentuk identiti negara Türkiye yang lebih moden dan sekular, perubahan ini tidak terlepas daripada kontroversi. Banyak aspek kehidupan sosial terutamanya yang berkaitan dengan agama mengalami pergeseran yang ketara.¹⁹ Masyarakat Türkiye yang sebelumnya hidup dengan pengaruh kuat Islam dalam kehidupan sehari-hari, kini terpaksa menyesuaikan diri dengan nilai Barat yang sering bertentangan dengan tradisi agama.²⁰ Pergolakan ini menunjukkan betapa transformasi yang dibawa oleh Atatürk bukan sahaja mengubah struktur politik negara, tetapi juga mencabar identiti budaya dan agama masyarakat Türkiye.²¹

Kematian Mustafa Kemal Atatürk pada 10 November 1938 menandakan berakhirnya satu era penting dalam sejarah Türkiye moden. Meskipun begitu, legasi sekularisme yang beliau perkenalkan tetap diteruskan oleh penggantinya.²² Walaupun Atatürk mengusahakan perubahan radikal dalam masyarakat Türkiye dengan memisahkan agama daripada urusan negara, proses peralihan kuasa dan pengurusan jenazah beliau sendiri menunjukkan ketegangan antara prinsip sekularisme yang dipelopori Atatürk dan sentimen agama yang masih kuat dalam masyarakat Türkiye.

Selepas kematiannya, kesinambungan dasar sekular yang diperkenalkan oleh Atatürk diteruskan oleh penggantinya, İsmet İnönü yang juga merupakan sahabat rapat Atatürk dan presiden kedua Türkiye.²³ Pelantikan İnönü sebagai presiden pada 1938 menandakan kesinambungan prinsip sekularisme yang telah

¹⁹ Kamil Dąbrowski, "The Concept of a Secular State in the Political Thought of the Presidency of Mustafa Kemal Atatürk," *Teka Komisji Prawniczej PAN Oddział w Lublinie* 17.2 (2024), 105.

²⁰ Helen Chapin Mets, *Turkey A Country Study*, 38.

²¹ Mehmet Hişyar Korkusuz & Ersoy Kutluk, "From the Ottoman Empire to the Republic of Turkey Manifestations of Nationalisms and National Imaginations," *Mukaddime* 6.2 (2016), 247.

²² Patrick Kinross, *Atatürk The Rebirth of A Nation* (London: Weidenfeld and Nicolson, 1965), 580.

²³ Ali Çiftçi, "At The Beginning Of World War Ii President İnönü's Efforts To Create Unity In Domestic Politics," dalam *Congress Book Innovation Global Issues Congress V 2019*, Ed. Ragıp Pehlivanlı, Karlygash Ashirkhanova & Nurettin Bilici Ankara, 2-4 Mei 2019, 329.

menjadi teras pemerintahan negara. Namun, İnönü mengamalkan sedikit kelonggaran dalam konteks sistem demokrasi yang semakin berkembang di Eropah pada masa itu dengan memberikan ruang bagi masyarakat Türkiye untuk melaksanakan pembaharuan yang lebih terbuka terhadap perkembangan politik dan sosial global. Salah satu langkah penting semasa pemerintahan İnönü adalah pengiktirafan terhadap negara Israel pada 28 Mac 1949. Hal ini menjadikan Türkiye negara dengan populasi majoriti Muslim pertama yang mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara berdaulat. Langkah ini memperlihatkan bagaimana dasar sekularisme Türkiye tidak hanya terhad kepada urusan domestik tetapi turut mempengaruhi dasar luar negara, memperlihatkan pendekatan pragmatik terhadap hubungan antarabangsa.

Namun begitu, hubungan dua hala antara Türkiye dan Israel mengalami pasang surut yang jelas mencerminkan ketegangan dalam pengurusan dasar luar yang berlandaskan sekularisme di mana faktor-faktor politik domestik dan perubahan dalam tampuk pemerintahan mempengaruhi arah aliran hubungan kedua negara. Di bawah pemerintahan İnönü, sekularisme tetap menjadi asas pemerintahan, tetapi keadaan politik yang berubah termasuk pendirian politik domestik dan reaksi terhadap perkembangan konflik Palestin turut menyebabkan hubungan Türkiye-Israel tidak bersifat tetap dan sering kali dipengaruhi oleh dinamik politik dalam negeri.

Kesinambungan sekularisme selepas Atatürk di bawah pemerintahan İnönü menggambarkan bagaimana prinsip sekularisme tidak hanya mengubah struktur politik domestik tetapi juga mempengaruhi hubungan Türkiye dengan dunia luar. Walaupun ada kelonggaran dalam beberapa aspek pemerintahan, sekularisme tetap menjadi asas yang mengatur arah dasar negara, dengan perubahan politik domestik dan kesan geopolitik global yang sentiasa mempengaruhi hubungan luar negara, terutamanya dengan Israel. Konflik antara dasar sekular dan nilai tradisi keagamaan yang berakar dalam masyarakat Türkiye tetap menjadi isu yang relevan dalam perbincangan mengenai kesinambungan legasi Atatürk dalam era selepas beliau.

Perkembangan Hubungan Türkiye-Israel dari Tahun 1949 hingga 1980

Sebelum kewujudan Israel, wakil Türkiye di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun November 1947²⁴ telah menentang rancangan pembahagian Palestin kepada dua negara merdeka, satu untuk Arab dan satu negara Yahudi. Selain itu, Kota Jerusalem akan ditubuhkan sebagai *corpus separatum* di bawah rejim antarabangsa khas dan akan diuruskan oleh PBB. Laporan itu diterima oleh pihak Yahudi manakala pemimpin-pemimpin Arab menolaknya. Penentangan Türkiye ketika ini dilihat sebagai usaha solidariti Islam terhadap Palestin.²⁵ Namun, George E. Gruen berpandangan bahawa penolakan Türkiye terhadap penubuhan negara Yahudi lebih didorong oleh alasan geopolitik berbanding agama. Hal ini kerana Türkiye pada waktu itu berusaha untuk mengukuhkan kedudukan politiknya di Timur Tengah dan melihat penubuhan Israel sebagai punca ketegangan yang boleh menjejaskan kestabilan kawasan itu. Selain itu, sokongan Soviet terhadap rancangan pembahagian Palestin membuat Türkiye bimbang bahawa ia mungkin diperalatkan oleh Moscow untuk melemahkan pengaruh Barat.²⁶

Pada 1948, ketika Israel mengisytiharkan kemerdekaannya, Türkiye kekal berkecuali dalam konflik Arab-Israel. Walaupun ada tekanan untuk menyokong Palestin, Türkiye memilih untuk tidak campur tangan dalam perang dengan mengekalkan prinsip dasar luar negara Atatürk yang menghindari perselisihan dengan negara jiran. Walau bagaimanapun, di sisi yang lain, Türkiye turut membuka jalan kepada penduduk Yahudi Türkiye untuk berhijrah

²⁴ Perhimpunan Agung PBB telah mengundi Resolusi 181 (pada 29 November 1947) dan menerima resolusi tersebut dengan undian 33 berbanding 13, dengan 10 undi berkecuali dan 1 tidak hadir. Türkiye mengundi menentang resolusi itu. Ia diterima baik oleh pemimpin-pemimpin Arab. Sebagai tanda penghargaan Arab terhadap undian Türkiye, sejour selepas mesyuarat pleno Perhimpunan Agung PBB, Presiden Syria, Shukri al-Quwatli menghantar nota terima kasih kepada Presiden Türkiye, İsmet İnönü. Haydar Oruc, "Turkey Will Always Stand for Free and Independent Palestine," laman sesawang *Italian Institute for International Political Studies*, diakses pada 6 Jun 2025, <https://www.ispionline.it/en/publication/turkey-will-always-stand-free-and-independent-palestine-26777>.

²⁵ George E. Gruen, "Dynamic Progress in Türkiyesh-Israeli Relations," *Israel Affairs* 1.4 (1995), 42.

²⁶ George, "Dynamic Progress."

ke Israel.²⁷ Dalam konteks ini, penulis melihat Türkiye mengambil pendekatan pragmatik yang berimbang di mana cuba untuk mengukuhkan kedudukan di Timur Tengah sambil mengekalkan hubungan dengan Israel dalam aspek kemanusiaan dan diplomatik. Hubungan ini akhirnya berkembang lebih lanjut pada tahun-tahun berikutnya dan secara tidak langsung menunjukkan peralihan Türkiye kepada dasar luar negara yang lebih berhati-hati dan berwaspada dalam menghadapi konflik serantau.

Bibit-bibit awal ke arah pengiktirafan Türkiye terhadap Israel mula terlihat ketika Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada Disember 1948 yang menubuhkan Palestine Conciliation Commission (PCC) untuk membantu negara-negara Arab dan Israel bergerak ke arah keamanan. Negara-negara Arab ketika itu bertindak menolak resolusi yang dikemukakan. Manakala tiga ahli PCC yang lain iaitu Amerika diandaikan untuk berpihak kepada Israel, Perancis akan bersikap neutral dan Türkiye dengan ikatan sejarah dan budaya dengan dunia Arab dijangkakan akan memihak kepada Arab. Namun, wakil Türkiye di PCC, Hüseyin Cahit Yalçın yang juga merupakan tokoh intelektual dan rakan rapat Presiden İsmet İnönü menunjukkan sikap yang lebih seimbang dan tidak berat sebelah, berbeza dengan andaian yang dibuat terhadap Türkiye.

Yalçın yang turut terkenal dengan sikap anti-Komunis bertindak untuk melawat Israel dan berkenalan rapat dengan Perdana Menteri Israel, David Ben-Gurion. Lawatan ini menunjukkan pendekatan diplomatik Türkiye yang lebih terbuka walaupun pada masa yang sama mereka mempunyai hubungan kuat dengan negara-negara Arab. Setelah kembali ke Türkiye, Yalçın melaporkan kepada İnönü bahawa pilihan raya Knesset yang berlansung di Israel menunjukkan bahawa Parti Komunis Israel yang kecil hampir tidak mempunyai pengaruh yang menandakan bahawa Israel, menurut pandangannya tidak

²⁷ Pada tahun-tahun awal Israel, lebih daripada 40,000 orang Yahudi atau kira-kira separuh daripada populasi Yahudi Türkiye berhijrah ke Israel. Kebanyakannya atas alasan ekonomi, walaupun perasaan Zionis dan agama juga memainkan peranan. Para pendatang ini kebanyakannya berasal dari golongan yang lebih miskin di pusat bandar dan dari komuniti luar bandar di Anatolia. George E. Gruen, "Dynamic Progress in Türkiyesh-Israeli Relations," 43.

terpengaruh oleh mana-mana kuasa asing.²⁸ Dari satu sisi, pendirian ini menunjukkan bagaimana Türkiye cuba untuk melihat konflik tersebut secara objektif dan rasional tanpa membiarkan sentimen politik atau ideologi menghalang penilaiannya.

Selain itu, Yalçın juga menggesa İnönü untuk segera mengiktiraf kerajaan Israel. Tindakan ini bagaimanapun adalah suatu langkah yang dipertikaikan oleh beberapa pihak termasuk negara-negara Arab dan beberapa orang dari pihak Türkiye sendiri. Meskipun begitu, tindakan ini juga memperlihatkan sikap pragmatik Türkiye yang lebih mengutamakan kestabilan dan hubungan diplomatik yang strategik terutamanya dengan kuasa besar seperti Amerika Syarikat, berbanding dengan tekanan politik domestik atau sentimentasi geopolitik. Dengan menggesa untuk segera mengiktiraf Israel, Türkiye memperlihatkan keinginan untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai negara yang berperanan aktif dalam arena diplomatik global.

Walaupun PCC gagal dalam mencapai penyelesaian untuk konflik Arab-Israel, Türkiye tetap meneruskan sokongannya terhadap penyelesaian perundingan. Dari satu sisi, sikap ini mencerminkan komitmen Türkiye terhadap diplomasi multilateral dan penyelesaian damai konflik yang melibatkan negara-negara Arab dan Israel. Pendekatan ini juga mencerminkan kesinambungan dasar luar negara Türkiye yang didorong oleh prinsip sekularisme dan pragmatisme yang meletakkan kepentingan nasional dan hubungan diplomatik sebagai keutamaan. Maka pada 28 Mac 1949 secara rasminya Türkiye memberikan pengiktirafan *de facto* kepada Israel sebagai sebuah negara.²⁹ Analisis oleh George E. Gruen mendapati bahawa tindakan Türkiye ini adalah cubaan untuk memperkukuh sokongan mereka di Amerika Syarikat dan mendapatkan sokongan kewangan dan politik tambahan dari Amerika. Selain itu, dengan mengiktiraf Israel, Türkiye juga berharap untuk menunjukkan bahawa mereka adalah negara moden dan sekular yang berpegang teguh kepada prinsip dasar Atatürk iaitu *laikizm* (sekularisme) atau pemisahan agama daripada politik. Di sisi yang lain, kerajaan

²⁸ Alon Liel, "Turkey and Israel: A Chronicle of Bilateral Relations," *Ramat Gan: Mitvim* (2017), 1.

²⁹ Bir, Ç. & Sherman, "M. Formula for Stability: Turkey Plus Israel," *Middle East Quarterly* 9 (2002), 24.

Türkiye juga berharap perkara ini akan membantu mengatasi perasaan anti-Türkiye dan anti-Islam yang masih wujud di Eropah yang turut digunakan oleh sesetengah pihak untuk menyekat penyertaan Türkiye dalam Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO).³⁰

Bagi negara-negara Arab, pengiktirafan Türkiye terhadap Israel dilihat sebagai tindakan yang sangat mengecewakan dan menghancurkan semangat solidariti Arab yang dibina selepas Perang Dunia I. Negara-negara Arab secara amnya menentang kewujudan Israel di tanah Palestin dan pengiktirafan Türkiye dianggap sebagai langkah yang menyokong penubuhan negara Yahudi tersebut. Hal ini membawa kepada tuduhan bahawa Türkiye telah “menusuk dari belakang” negara-negara Arab dan menjadi negara majoriti Muslim pertama yang mengiktiraf Israel. Bagi negara-negara Arab, Türkiye seharusnya lebih berpegang kepada solidariti Islam dan menentang penjajahan yang dilakukan oleh Israel. Respon berbeza ditunjukkan Türkiye terhadap kritikan ini dengan menegaskan bahawa mereka adalah negara Eropah terakhir berbanding Perancis dan Britain yang lebih awal mengiktiraf Israel. Türkiye juga menegaskan bahawa beberapa negara Arab termasuk Mesir yang telah memulakan perbincangan gencatan senjata dengan Israel dari satu sisi menunjukkan bahawa negara-negara Arab sendiri secara tidak langsung telah mengiktiraf Israel melalui tindakan diplomatik mereka.

Bagi dunia Barat khususnya Amerika Syarikat, pengiktirafan Türkiye terhadap Israel dilihat sebagai langkah yang wajar dan menyokong kestabilan politik di Timur Tengah. Amerika Syarikat yang telah menyokong Israel sejak penubuhannya, melihat pengiktirafan ini sebagai pengukuhan hubungan dengan Türkiye iaitu sebuah sekutu utama di kawasan tersebut. Türkiye yang mempunyai kepentingan strategik di Timur Tengah juga berusaha untuk memperkuat kedudukannya dalam kalangan negara-negara Barat terutamanya Amerika Syarikat sebagai pengimbang terhadap pengaruh Soviet di rantau itu selepas Perang Dunia II.³¹ Dengan pengiktirafan terhadap Israel, Türkiye memperoleh sokongan politik dan kewangan daripada Amerika Syarikat yang

³⁰ George E. Gruen, “Dynamic Progress in Türkiyesh-Israeli Relations,” 43.

³¹ Kosebalaban, H, “The Crisis on Turkish-Israeli Relations: What is its Strategic Significance?,” *Middle East Policy* 17.3 (2010), 37.

turut membantu memperkuat hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Dalam hal ini, pengiktirafan Türkiye terhadap Israel juga menjadi langkah penting untuk memupuk sokongan Amerika Syarikat terhadap keanggotaan Türkiye dalam NATO yang akhirnya dicapai pada 1952.

Di dalam negara Türkiye, pengiktirafan terhadap Israel juga menerima pelbagai reaksi. Sebagai sebuah negara yang mempunyai majoriti penduduk Muslim, tindakan ini mendapat tentangan daripada sebahagian besar rakyat yang melihatnya sebagai pengkhianatan terhadap perjuangan Palestin dan umat Islam. Kritikan ini datang daripada pihak yang berpegang kepada prinsip solidariti Islam dan mempersoalkan kenapa Türkiye sebagai negara Muslim dapat mengiktiraf negara Yahudi yang dilihat sebagai penjajah tanah Palestin. Namun, dalam konteks dasar luar Türkiye yang sekular dan pragmatik, langkah ini dilihat sebagai sebahagian daripada usaha untuk memodernkan negara dan mengukuhkan kedudukannya dalam politik antarabangsa.

Pada tahun 1950-an, hubungan diplomatik antara Türkiye dan Israel berada pada puncaknya dengan kerjasama yang melibatkan bidang politik, ketenteraan, budaya dan ekonomi. Hubungan ini diperkukuhkan melalui beberapa perjanjian dan pengiktirafan rasmi, termasuk surat kepercayaan yang dihantar oleh Seyfullah Esin, wakil Türkiye kepada Presiden Israel Chaim Weizmann pada 7 Januari 1950.³² Perubahan dasar luar Türkiye daripada penolakan terhadap penubuhan negara Yahudi kepada pengiktirafan adalah berkait rapat dengan identiti negara Türkiye yang pro-Barat. Bölükbaşı berpendapat bahawa terdapat kepercayaan yang salah di Ankara bahawa pemimpin Zionis tergolong dalam kem pro-Soviet. Walau bagaimanapun, Ankara kemudiannya diyakinkan bahawa Israel kukuh berada dalam kem Barat dan menjadi sekutu yang berpotensi menentang Kesatuan

³² Surat Kepercayaan (Letter of Credence) adalah dokumen rasmi yang digunakan oleh seorang diplomat untuk memperkenalkan dirinya sebagai wakil rasmi negara kepada ketua negara atau ketua kerajaan negara yang diterimanya. Dokumen ini menandakan permulaan tugas diplomatik mereka di negara tersebut. Seyfullah Esin adalah seorang diplomat Türkiye yang berkhidmat sebagai Duta Besar Türkiye ke Israel dari tahun 1950 hingga 1952. Pada 7 Januari 1950, beliau menyampaikan Surat Kepercayaannya kepada Presiden Israel, Chaim Weizmann, menandakan pembukaan rasmi misi diplomatik Türkiye di Israel.

Soviet.³³ Halil Erdemir menambah dua lagi sebab pengiktirafan Türkiye terhadap Israel iaitu, pertama, pihak berkuasa Türkiye memerlukan hubungan yang aman dengan Barat. Kedua, Türkiye menafikan hubungan dua hala atau pelbagai hala dengan negara-negara ‘Islam’ di rantau ini. Hal ini bermakna Türkiye adalah sebuah negara ‘sekular’ dan ‘pragmatis’ di Timur Tengah yang boleh bekerjasama dengan kepentingan dunia Barat.³⁴ Jadi, Türkiye-Israel masing-masing berusaha untuk memperbaiki demokrasi parlimen dan mengukuhkan ekonomi pasaran sebagai bentuk memperoleh kepercayaan dan memperbaiki hubungan diplomatik antara satu sama lain.³⁵

Dalam tempoh tiga puluh bulan pertama penubuhan negara Israel, penghijrahan sebanyak 34,547 orang Yahudi dari Türkiye ke Israel menjadi antara faktor sosial yang menyumbang kepada pengukuhan hubungan antara kedua-dua negara.³⁶ Selain itu, hubungan ekonomi dan perdagangan juga meningkat dengan mendadak. Pada Julai 1950, satu perjanjian perdagangan ditandatangani dan kemudiannya diperbaharui setiap tahun dengan jaminan Türkiye untuk membekalkan produk pertanian dan bahan mentah kepada Israel yang ketika itu berdepan sekatan negara-negara Arab. Apa yang lebih menarik lagi adalah pembukaan koridor udara langsung antara Istanbul dan Tel Aviv pada tahun 1950, dan jemputan Türkiye kepada Israel untuk mengambil bahagian dalam Pameran Perindustrian Antarabangsa Izmir pada tahun 1951 sehingga membawa hubungan dua hala mencapai tahap kedutaan pada tahun 1952.³⁷

Walaupun bilangan komuniti Yahudi di Türkiye telah berkurangan akibat penghijrahan ke Israel selepas penubuhan Israel pada tahun 1948, tetap memainkan peranan penting dari segi demografi dan politik dalam hubungan Türkiye-Israel. Menjelang tahun 1950-an, kira-kira 20,000 orang Yahudi masih menetap di Türkiye dan kehadiran menjadi semakin relevan apabila

³³ Süha Bölükbaşı, “Behind the Türkiyesh-Israeli Alliance: A Türkiyesh View,” *Journal of Palestine Studies* 29.1(1999), 22.

³⁴ Halil Erdemir, “How Worthy Israeli Relations for Turkey?,” *Alternatives: Türkiyesh Journal of International Relations* 9.2 (2010), 28-29.

³⁵ Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel in the 2000s: A Constructivist Perspective” (Tesis Kedoktoran, Middle East Technical University, 2016), 83-84.

³⁶ Martin Gilbert, *Israel: A History* (New York: Harper Perennial, 2008), 259.

³⁷ Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel in the 2000s,” 84.

ketegangan antara Türkiye dan Greece mengenai masa depan Cyprus semakin memuncak.³⁸

Rusuhan 6–7 September 1955 menjadi titik perubahan kritikal dalam hubungan antara komuniti di Türkiye. Kekacauan teretus setelah tersebar laporan mengenai letupan bom berhampiran Konsulat Jeneral Türkiye di Thessaloniki, yang turut merosakkan muzium tempat kelahiran Mustafa Kemal Atatürk. Sebagai tindak balas, kumpulan nasionalis menyerang komuniti Greek di Istanbul mengakibatkan keganasan meluas, kemusnahan harta benda dan pemaksaan penghijrahan. Walaupun mangsa utama ialah orang Greek, komuniti Yahudi juga turut terjejas sehingga meningkatkan kebimbangan dalam kalangan penduduk Yahudi yang masih tinggal di Türkiye.³⁹

Di sisi yang lain, kerajaan Türkiye dalam usaha mengurangkan kesan diplomatik telah mengeluarkan permohonan maaf rasmi dan memberi jaminan kepada Israel bahawa mereka “tidak mempunyai niat atau kecenderungan untuk menjejaskan keselamatan atau hak-hak orang Yahudi di Türkiye dalam apa jua cara.”⁴⁰ Kenyataan ini menunjukkan kesedaran Ankara tentang potensi kerosakan terhadap imej antarabangsa dan hubungan dua halanya dengan Israel. Peristiwa ini setidaknya mempercepatkan penghijrahan orang Yahudi keluar dari Türkiye, seterusnya mengurangkan lagi populasi.

Krisis Suez yang berlaku pada 1956 menandakan berakhirnya tempoh ini dengan penurunan hubungan diplomatik berikutan ketegangan yang timbul selepas Mesir menguasai Terusan Suez,⁴¹

³⁸ Mehmet Gönlübol, *Olaylarla Türk Dış Politikası (1919-1995)* (Ankara: Siyasal Kitapevi, 1996), 347.

³⁹ Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel in the 2000s,” 88.

⁴⁰ Michael B. Bishku, “How Has Turkey Viewed Israel?,” *Israel Affairs* 12.1 (2006), 182.

⁴¹ Presiden Mesir, Nasser bertindak memutuskan untuk menasionalisasi Syarikat Terusan Suez pada Julai 1956. Terusan Suez amat penting secara strategik kepada kepentingan Britain dan Perancis. Nasionalisasi tersebut memberi impak yang serius kepada Britain dan Perancis. Kerajaan London dan Paris kini bersedia untuk menjalin pakatan rahsia dengan Israel untuk mengubah situasi tersebut. Barry Rubin mendakwa bahawa Britain, Perancis dan Israel bersetuju “Israel akan menyerang Semenanjung Sinai sebelum tentera Mesir sempat menggunakan senjata Soviet. Kemudian, Perancis dan Britain akan campur tangan untuk mengakhiri perang dan dalam berbuat demikian, ia secara tidak langsung akan menggulingkan Nasser dari kuasa.” Berdasarkan rancangan tersebut, Israel menyerang Mesir pada 29 Oktober 1956 dan sehari kemudian, tentera British dan Perancis turut serta dalam serangan tersebut. Kerajaan Menderes menuduh Nasser sebagai pihak yang bertanggungjawab mencetuskan krisis, manakala Türkiye menganggap serangan Anglo-Perancis ke atas Mesir sebagai pelanggaran undang-

yang turut menjejaskan kepentingan Israel dan Turkiye. Krisis Suez menggariskan realiti bahawa hubungan antara Turkiye dan Israel tidak dapat dipisahkan daripada ketegangan geopolitik di kawasan tersebut, terutamanya apabila Mesir bertindak agresif terhadap Israel. Dengan mengambil kira pendapat awam Turkiye dan reaksi negara-negara Arab, kerajaan Menderes memutuskan untuk menarik balik duta besar mereka ke Tel Aviv, Şevket İstinyeli pada 26 November 1956. Sebagai balasan, Israel menarik balik Duta Besarnya ke Ankara pada 19 Disember 1956. Walaupun hubungan diplomatik dua hala tidak berakhir, tetapi ia diturunkan ke tahap *chargé d'affaires*.⁴²

Walaupun hubungan diplomatik Turkiye-Israel dipulihkan pada 1958 dengan penubuhan Peripheral Pact⁴³ yang melibatkan Israel, Turkiye, Iran dan Ethiopia, krisis-krisis wilayah seperti Perang Enam Hari (1967) dan ketegangan antara negara-negara Arab memberi kesan besar terhadap dinamik hubungan Turkiye-Israel. Turkiye walaupun tidak secara aktif menyokong tindakan Israel di wilayah Palestin, namun masih menunjukkan sikap yang lebih moderat berbanding negara-negara Arab yang lebih tegas

undang antarabangsa. Derviş Fikret Ünal, "Turkey's Relations With Israel in the 2000s," 89.

⁴² Chargé d'Affaires (disebut *shar-zhay da-FEHR*) ialah istilah dalam diplomasi yang merujuk kepada wakil rasmi sebuah negara yang dilantik untuk menguruskan urusan diplomatik di negara lain, biasanya apabila ketua misdiplomasi (seperti duta besar) tiada. Derviş Fikret Ünal, "Turkey's Relations With Israel in the 2000s," 90.

⁴³ Peripheral Pact (juga dikenali sebagai Peripheral Alliance) merujuk kepada kerjasama strategik rahsia yang dibentuk oleh Israel dengan negara-negara bukan Arab di pinggir (periphery) Timur Tengah pada akhir 1950-an hingga 1960-an. Matlamat utamanya adalah untuk mengimbangi pengaruh kuasa Arab (terutamanya Mesir di bawah Gamal Abdel Nasser) dan menghadapi ancaman keselamatan bersama. Ahli Utama Peripheral Pact terdiri daripada beberapa negara yang bersatu atas kepentingan keselamatan bersama. Israel, sebagai negara pengasas pakatan ini, menghadapi ancaman eksistensial daripada Liga Arab yang bersikap permusuhan terhadap kewujudannya. Turkiye, selaku anggota NATO, menyertai pakatan ini akibat kebimbangannya terhadap pengaruh Presiden Mesir Gamal Abdel Nasser dan sokongan aktif Kesatuan Soviet kepada Mesir. Iran di bawah pemerintahan Shah Pahlavi turut menjadi ahli penting kerana berkongsi musuh yang sama dengan Iraq dan gerakan nasionalis Arab yang mengancam kestabilan rantau ini. Ethiopia di bawah Maharaja Haile Selassie pula menyertai pakatan ini atas kebimbangan terhadap sokongan Mesir kepada pemberontak di Eritrea yang mengancam kedaulatan negaranya. Kesemua negara ini bersatu dalam pakatan rahsia ini untuk menghadapi ancaman bersama walaupun mempunyai latar belakang dan kepentingan yang berbeza. Paul Landy, "Buying the Periphery Pact? The Policy of the United States towards the Periphery Pact arrangements between Iran, Israel and Turkey during the Eisenhower Administration, 1963-61" (Disertasi Sarjana, Faculty of Humanities, Leiden University, 2021), 10-12.

dalam menentang pendudukan Israel. Joshua Walker ketika menjelaskan sebab mengapa Türkiye mengubah kedudukannya terhadap Israel selepas Perang Suez 1956 dan kemudian menyertai Peripheral Pact adalah bertitik tolak dari tiga sebab utama: 1) undian Iraq menentang Türkiye mengenai Cyprus di PBB pada Disember 1957; 2) penubuhan Republik Arab Bersatu antara Mesir dan Syria pada Februari 1958 dan 3) akhirnya kejatuhan monarki di Iraq pada Julai 1958.⁴⁴

Selain itu, nasionalisme Arab yang meluas di Timur Tengah di bawah naungan Kesatuan Soviet membawa hubungan Türkiye dan Israel lebih dekat bersama. Perkongsian risikan antara negara-negara Peripheral Pact memainkan peranan penting dalam memantau ancaman bersama. Dalam hal ini, pegawai keselamatan tertinggi Türkiye dan Israel saling mengunjungi antara satu sama lain. Sebagai contoh, Jeneral Cemal Tural yang kemudiannya menjadi Ketua Staf Tentera Türkiye (1966-1969) melawat Israel pada 1964 sementara Ketua Perisikan Tentera Israel Meir Amit melawat pangkalan tentera rahsia AS di Erzurum. Selain itu, Komander Tentera Udara Israel, Ezer Weizman yang kemudiannya menjadi Menteri Pertahanan dan kemudian Presiden Israel dijadualkan untuk melawat Türkiye pada akhir 1964 tetapi peningkatan krisis Cyprus menyebabkan pembatalan lawatan tersebut.⁴⁵ Dari satu sisi, pembentukan identiti negara Türkiye sangat dipengaruhi oleh Barat dalam konteks tempoh Perang Dingin dan hubungannya dengan Israel juga tidak terpisah daripada fakta ini. Tempoh antara 1958–1960 boleh dikatakan hubungan kedua-dua negara (Türkiye-Israel) mencapai kemuncak apabila kerjasama rahsia termasuk latihan tentera udara bersama, dijalankan secara intensif. Namun, hubungan ini mula merosot selepas tahun 1960 ekoran rampasan kuasa tentera di Türkiye yang membawa kepada perubahan dasar luar negara.

Pada 1960-an, perubahan dalam struktur politik Türkiye, termasuk rampasan kuasa tentera pada 1960 dan pengaruh daripada pihak berhaluan kiri, mengubah dasar luar negara

⁴⁴ Joshua Walker, "Turkey and Israel's Relationship in the Middle East," *Mediterranean Quarterly* 17.4 (2006), 69.

⁴⁵ Howard A. Patten, *Israel and the Cold War: Diplomacy, Strategy and the Policy of the Periphery at the United Nations* (London: I.B.Tauris, 2013), 84.

Türkiye secara keseluruhan.⁴⁶ Krisis Cyprus yang berlaku pada 1964 dan tindak balas daripada Amerika Syarikat terhadap campur tangan Türkiye di Cyprus menyebabkan Türkiye mengubah orientasi luar negara mereka dengan mengalihkan sokongan mereka daripada pro-Israel kepada pro-Arab, terutama setelah percubaan mendapatkan sokongan negara-negara Barat gagal.⁴⁷ Keputusan ini menandakan pergeseran dasar yang lebih berfokus kepada negara-negara Arab dan Palestin sekaligus mempengaruhi hubungan dengan Israel. Walaupun Türkiye di bawah Süleyman Demirel (1965-1969) mula merancang dasar luar yang melihat negara-negara Arab dan Muslim sebagai ‘saudara’ disebalik krisis Cyprus, Bengio berhujah bahawa Türkiye tidak pernah memutuskan hubungan dengan Israel. Sebaliknya, kerjasama berterusan dalam pelbagai bidang termasuk perisikan dan ketenteraan masih berlaku.⁴⁸

Kemenangan besar Israel dalam Perang Enam Hari (5–10 Jun 1967) menyaksikan perubahan peta Timur Tengah setelah penguasaan regim tersebut ke atas Semenanjung Sinai, Tebing Barat, Genting Gaza dan Dataran Tinggi Golan.⁴⁹ Walaupun Türkiye mempunyai hubungan rahsia dengan Israel melalui Peripheral Pact (1958–1960), respon rasmi Ankara semasa Perang Enam Hari lebih berhati-hati dan neutral.⁵⁰ Ankara mengelak mengutuk Israel secara langsung bagi mengekalkan kerjasama keselamatan rahsia yang berterusan, sementara pada masa yang sama tidak ingin menjejaskan hubungan dengan negara-negara Arab yang penting dari segi ekonomi dan politik. Türkiye menyokong seruan gencatan senjata dan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 242 pada 22 November 1967 untuk mengelak sebarang penglibatan langsung dalam konflik, sekaligus mencerminkan pendekatan pragmatik yang mengutamakan kepentingan nasional dan kedudukannya dalam blok Barat semasa

⁴⁶ Shira Efron, *The future of Israeli-Turkish Relations* (Santa Monica: Rand Corporation, 2018), 56.

⁴⁷ Ofra Bengio, *The Türkiyesh-Israeli Relationship: Changing Ties of Middle Eastern Outsiders* (New York: Palgrave Macmillan, 2004), 54-55.

⁴⁸ Ofra Bengio, *The Türkiyesh-Israeli Relationship*, 61.

⁴⁹ Efraim Karsh, “An Inevitable Conflict,” *Middle East Quarterly* 24.3 (2017), 12.

⁵⁰ Yilmaz, Ercan, “Turkey-Israel Relations in the Post-Cold War Era,” *Journal of Management and Economics Research* 6.10 (2008), 163.

Perang Dingin, walaupun menghadapi tekanan domestik daripada golongan yang lebih simpati terhadap perjuangan Arab.⁵¹

Menjelang 1970-an, sokongan Türkiye terhadap perjuangan Palestin semakin meningkat dengan pengiktirafannya terhadap Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) pada 1975 dan pembukaan pejabat PLO di Ankara pada 1979. Sebelum itu, pada 10 November 1975, Türkiye turut mengundi menyokong Resolusi 3379 (XXX) di Perhimpunan Agung PBB mengenai “Penghapusan semua bentuk diskriminasi perkauman” yang menyatakan bahawa ‘Zionisme adalah bentuk rasisme dan diskriminasi perkauman.’⁵² Dari satu sisi, perkara ini menunjukkan perubahan ketara dalam dasar luar Türkiye yang semakin menyokong Palestin, berbanding dengan hubungan awal yang lebih berkompromi terhadap Israel. Meskipun Türkiye secara rasmi mengutuk Israel di pentas antarabangsa seperti PBB, hubungan dua hala sebenarnya menunjukkan pendekatan pragmatik yang lebih kompleks. Hal ini dapat dilihat selepas Perjanjian Camp David 1978 antara Mesir dan Israel, Türkiye mula mengambil langkah untuk memulihkan hubungan dengan Israel, terutamanya dalam bidang pertahanan. Seperti yang dinyatakan oleh Howard Patten, Ankara secara diam-diam menjalin kerjasama ketenteraan dengan Tel Aviv, termasuk pembelian senjata seperti peluru berpandu Shafir, peluru anti-kereta kebal M111 Hetz dan senapang mesin Uzi.⁵³

Pada Julai 1980, Israel meluluskan Undang-undang Jerusalem yang menetapkan kota itu sebagai ibu negara bersatu Israel sehingga mencetuskan bantahan antarabangsa. Türkiye ketika itu menyokong resolusi Majlis Keselamatan PBB 476 dan Resolusi 478 yang menolak undang-undang ini dan bertindak menutup konsulatnya di Jerusalem sebagai protes pada 28 Ogos 1980.⁵⁴ Namun, di sisi yang lain sikap Türkiye terhadap Israel bersifat dualistik: sambil mengutuk Israel di forum antarabangsa, Ankara masih menjalin kerjasama rahsia terutama dalam keselamatan. Hal ini bertitik tolak dari hubungan Türkiye dengan

⁵¹ Gökçe, Onur, “The Dynamics of Turkish-Israeli Relations,” *All Azimuth: A Journal of Foreign Policy and Peace* 1.2 (2012), 58.

⁵² Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel in the 2000s,” 105.

⁵³ Howard A. Patten, *Israel and the Cold War: Diplomacy, Strategy and the Policy of the Periphery at the United Nations* (London: I.B. Tauris, 2013), 101.

⁵⁴ Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel in the 2000s,” 106.

dunia Arab yang merosot akibat kurangnya sokongan Arab terhadap isu Cyprus dan masalah lain seperti dunia Arab tidak menghasilkan manfaat ekonomi yang diharapkan Türkiye, sementara hubungan dengan Israel mulai berkembang.⁵⁵ Faktor seperti Revolusi Iran dan pencerobohan Soviet ke Afghanistan mendorong Türkiye dan Israel lebih rapat sebagai sekutu Barat. Serangan Israel ke Lubnan 1982 membuka ruang kerjasama keselamatan antara kedua negara dalam memerangi pengganas ASALA.⁵⁶ Era Turgut Özal (1983-1989) melihat pendekatan pragmatik Türkiye terhadap Israel sebagai “jendela ke masa depan” dan pintu hubungan dengan Barat. Türkiye melantik duta penuh ke Tel Aviv dan menolak resolusi anti-Israel di PBB 1988 sebagai komitmen hubungan strategik yang kian erat meskipun secara rasmi tetap kritikal terhadap polisi Israel.⁵⁷

Hubungan Türkiye-Israel dari 1949 hingga 1980 menggambarkan perjalanan yang penuh dengan ketegangan dan perubahan, dipengaruhi oleh faktor-faktor domestik, geopolitik, dan perubahan dalam sikap politik global. Walaupun kerjasama awal antara Türkiye dan Israel sangat erat, ketegangan di Timur Tengah dan perubahan dalam orientasi luar negara Türkiye, terutamanya selepas 1960-an menunjukkan bagaimana hubungan diplomatik boleh berubah seiring dengan perubahan dalam konteks politik dan sosial yang lebih luas.

Hubungan Türkiye-Israel Pasca Perang Dingin (1990-2002)

Dalam tempoh 1990-2002, hubungan antara Türkiye dan Israel menunjukkan perkembangan yang signifikan dengan pelbagai dinamik yang mencerminkan perubahan dalam politik domestik Türkiye dan konteks antarabangsa. Pembubaran blok Sosialis pada tahun 1989 secara tidak langsung mengubah landskap geopolitik antarabangsa. Dalam tempoh ini, persepsi Türkiye dan Israel terhadap bekas sekutu Soviet khususnya di rantau Timur Tengah turut berubah. Proses damai Timur Tengah antara Israel dan dunia Arab membuka jalan untuk hubungan yang lebih kuat antara

⁵⁵ Howard A. Patten, *Israel and the Cold War*, 110; Bülent Aras, “The Academic Perceptions of Türkiyesh-Israeli Relations,” *Alternatives: Türkiyesh Journal of International Relations* 1.1 (2002), 5.

⁵⁶ William Hale, *Türk Dış Politikası: 1774-2000* (Istanbul: Mozaik, 2003), 179.

⁵⁷ Yücel Bozdağlıoğlu, *Türkiyesh Foreign Policy and Türkiyesh Identity: A Constructivist Approach*, (New York: Routledge, 2003), 146.

Türkiye dan Israel. Pada ketika ini, Perang Teluk menjadi perkembangan penting yang mempercepatkan proses pendamaian Türkiye-Israel di mana kedua-dua Türkiye dan Israel memberikan sokongan kepada koalisi yang dipimpin AS menentang Iraq di bawah Saddam Hussein. Dengan kedudukan sebagai dua negara demokratik pro-Barat di Timur Tengah, Türkiye dan Israel berkongsi kebimbangan keselamatan yang serupa terutamanya berkenaan dengan ancaman dari negara-negara seperti Syria, Iraq dan Iran. Dalam kerangka ini, hubungan ketenteraan antara Türkiye dan Israel diperkukuhkan dengan pelbagai perjanjian, termasuk kerjasama dalam latihan tentera, pengawasan bersama dan pemodenan pesawat F-4 Türkiye.⁵⁸

Selain itu, pada tahun 1990-an, Türkiye dan Israel juga memperkukuhkan hubungan ekonomi mereka. Israel menjadi pasaran terbesar kedua bagi Türkiye di Timur Tengah, selepas Arab Saudi dan kedua-dua negara menandatangani perjanjian perdagangan bebas serta perjanjian dalam bidang pelancongan dan budaya. Lawatan bersejarah Menteri Pelancongan Türkiye, Abdulkadir Ateş ke Israel pada Jun 1992 membuka lembaran baru dengan perjanjian pelancongan yang menjanjikan kunjungan lebih 300,000 pelancong Israel setiap tahun. Momentum ini diperkukuh dengan lawatan tidak rasmi Presiden Israel, Chaim Herzog ke Türkiye pada Julai 1992 untuk upacara memperingati 500 tahun kedatangan Yahudi Sephardik ke Empayar Uthmaniyyah. Penyertaan Presiden Turgut Özal dan Perdana Menteri Süleyman Demirel dalam acara tersebut, serta kenyataan Özal tentang “era baru” dalam hubungan dua hala setidaknya mencerminkan keinginan politik untuk menjalin hubungan lebih erat, meskipun naratif ini tidak selalu disebarkan secara terbuka di Türkiye.⁵⁹

Perkembangan penting berlaku selepas Perjanjian Oslo 1993 dengan lawatan Menteri Luar Hikmet Çetin ke Israel sebagai menteri luar Türkiye pertama yang melakukan kunjungan rasmi. Lawatan ini menghasilkan kerangka undang-undang untuk memperluas kerjasama ekonomi dan perdagangan sebagai menandakan pendekatan pragmatik kedua negara yang berbeza dengan kebanyakan negara Timur Tengah. Kunjungan balas

⁵⁸ Yücel Bozdağlıoğlu, *Türkiyesh Foreign Policy and Türkiyesh Identity*, 151.

⁵⁹ Ofra Bengio, *The Turkish-Israeli Relationship: Changing Ties of Middle Eastern Outsiders* (New York: Palgrave Macmillan, 2004), 105-208.

pemimpin Israel, termasuk Presiden Ezer Weizman, Perdana Menteri Yitzhak Rabin dan Menteri Luar Shimon Peres pada tahun yang sama turut memperkukuh hubungan dua hala terutama dalam bidang pertahanan dengan projek pemodenan pesawat F-4 dan F-5 Türkiye oleh industri pertahanan Israel.⁶⁰

Lonjakan kerjasama mencapai tahap strategik dengan lawatan Perdana Menteri Tansu Çiller ke Israel pada November 1994 yang menghasilkan perjanjian anti-keganasan dan pertukaran maklumat perisikan.⁶¹ Kerjasama pertahanan semakin mendalam dengan kontrak pemodenan pesawat bernilai \$700 juta dan latihan bersama tentera udara yang memberikan Israel akses penting untuk latihan di ruang udara Türkiye. Perjanjian Kerjasama Latihan Tentera 1996 antara Çevik Bir dan David Ivry bukan sahaja mengukuhkan kebolehguna-sama ketenteraan tetapi juga mencerminkan kesepakatan strategik untuk menghadapi ancaman bersama.⁶² Perkembangan ini menunjukkan transformasi hubungan Türkiye-Israel daripada kerjasama terhad kepada perkongsian strategik yang komprehensif, didorong oleh kepentingan keselamatan dan ekonomi, serta visi bersama untuk memainkan peranan lebih besar dalam struktur semula Timur Tengah pasca-Perang Dingin.

Walaupun terdapat perbezaan dalam pendekatan terhadap negara-negara Islam, terutama selepas kebangkitan politik Islam dengan Parti Kesejahteraan (RP) yang dipimpin oleh Necmettin Erbakan pada 1996, hubungan Türkiye-Israel tetap berjalan lancar. Erbakan, yang kritikal terhadap Israel masih menandatangani perjanjian kerjasama ketenteraan dengan Israel pada 23 Februari 1996 yang memperuntukkan latihan udara dan laut bersama, akses ke kemudahan pelabuhan serta latihan untuk tentera udara.⁶³ Menjelang tahun 1997, Israel menjadi pasaran terbesar kedua di Timur Tengah untuk Türkiye selepas Arab Saudi. Lawatan-lawatan di peringkat tinggi diteruskan secara bergilir di bawah gabungan RP-DYP. Hubungan ini bagaimanapun menyaksikan

⁶⁰ Yücel Bozdağhoğlu, *Turkish Foreign Policy and Turkish Identity*, 147.

⁶¹ Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor, "Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan," *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6.1 (2019), 4.

⁶² Derviş Fikret Ünal, "Turkey's Relations With Israel in the 2000s," 123.

⁶³ Binnur Özkeçeci-Taner, "From Allies to Frenemies and Inconvenient Partners: Image Theory and Turkish-Israeli Relations," *Perceptions* 17.3 (2012), 116-117.

kritikan dari dunia Arab dan organisasi Islam seperti OIC, tetapi Türkiye terus mengekalkan hubungan dengan Israel, mencerminkan kesan kuat tentera Türkiye dalam mengekalkan identiti negara pro-Barat.⁶⁴

Lawatan bersejarah Presiden Türkiye Süleyman Demirel ke Israel dan Palestin pada Julai 1999 mencerminkan pendekatan seimbang Ankara dalam isu Timur Tengah. Dengan bertemu kedua-dua pemimpin Israel (Weizman dan Barak) dan PLO (Arafat), Türkiye berusaha mengekalkan hubungan baik dengan Israel sambil menunjukkan solidariti dengan dunia Arab/Islam.⁶⁵ Namun, sidang kemuncak Camp David yang diadakan antara Presiden Amerika Bill Clinton, Perdana Menteri Israel Barak dan pemimpin PLO Arafat pada Julai 2000 berakhir dengan kegagalan. Situasi bertambah buruk dengan lawatan pemimpin pembangkang Israel Ariel Sharon ke Masjid al-Aqsa pada September 2000 sehingga mencetuskan kebangkitan kedua Palestin (Intifada) terhadap Israel. Perkembangan ini memberi kesan negatif kepada hubungan Türkiye dengan Israel. Sebagai contoh, Türkiye menyokong Resolusi PBB yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung pada 1 Disember 2000 yang juga menyeru penarikan tentera Israel dari tanah Palestin.⁶⁶

Tindakan keras Israel terhadap penduduk Palestin ini, termasuk serangan ketenteraan di Jenin dan tindakan terhadap pemimpin Palestin Yasir Arafat turut mendapat kecaman dari Türkiye. Perdana Menteri Türkiye, Bulent Ecevit mengutuk tindakan Israel sebagai “pembunuhan beramai-ramai” dan memberikan amaran keras terhadap tindakan kekerasan yang dilakukan oleh Israel. Keputusan ini menunjukkan perubahan mendalam dalam sikap Türkiye terhadap Israel yang semakin dipengaruhi oleh sentimen domestik serta kemunculan Parti Keadilan dan Pembangunan (AKP) pada 2002 yang membawa dasar luar yang lebih kritikal terhadap Israel. Namun, ketegangan politik ini tidak menghalang kerjasama ketenteraan dan ekonomi. Kunjungan Menteri Pertahanan Israel Ben Eliezer ke Ankara pada 2001 membincangkan projek pertahanan peluru berpandu Arrow,

⁶⁴ Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel in the 2000s,” 125.

⁶⁵ Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel in the 2000s,” 137.

⁶⁶ Ali Balcı, *Türkiye Dış Politikası: İlkeler, Aktörler, Uygulamalar* (Istanbul: Etkileşim, 2013), 248.

sementara kontrak pemodenan peralatan tentera Türkiye bernilai \$687.5 juta tetap dilaksanakan pada 2002 walaupun kritikan terhadap serangan Jenin.⁶⁷ Pendirian ini menunjukkan dualisme dasar luar Türkiye iaitu dari satu sisi mengkritik terhadap Israel di pentas awam tetapi pragmatik dalam kepentingan keselamatan nasional.

Di sisi yang lain, selepas kemenangan AKP dalam pilihan raya 2002, Türkiye mulai mengambil sikap yang lebih kritikal terhadap tindakan Israel terhadap Palestin, mengakhiri tempoh “bulan madu” dalam hubungan Türkiye-Israel yang telah berlangsung sejak awal 1990-an. Keadaan ini juga menandakan permulaan perubahan dalam dasar luar Türkiye yang lebih pro-Arab dengan menekankan keadilan sosial dan politik bagi rakyat Palestin. Memasuki ke-21, kerjasama yang dilakukan kekal dijalankan dan mempunyai beberapa penambahan pakatan baru yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kesepakatan tersebut diberhentikan apabila Türkiye telah mengeluarkan kata putus untuk menolak kerjasama ketenteraan dengan Israel. Tragedi kapal Mavi Marmara yang membawa ratusan sukarelawan seluruh dunia dengan majoritinya penduduk Türkiye telah diserang pada 31 Mei 2010 oleh tentera Israel.⁶⁸ Serangan ini telah menyebabkan 9 orang mati syahid, 23 orang cedera parah dan 80 orang cedera akibat tembakan tentera. Kebanyakannya ialah rakyat warganegara Türkiye. Hal ini telah mempengaruhi hubungan kedua-dua hala. Hubungan Türkiye-Israel dari 1990 hingga 2002 menunjukkan perjalanan yang penuh dengan pasang surut, terutamanya dipengaruhi oleh faktor domestik, politik global dan situasi konflik Palestin-Israel yang berterusan. Walaupun kedua-dua negara berjaya membina kerjasama yang strategik dalam pelbagai bidang, hubungan ini tetap tertakluk kepada perubahan dalam orientasi politik domestik Türkiye dan ketegangan yang timbul daripada konflik serantau khususnya yang berkaitan dengan Palestin.

⁶⁷ Derviş Fikret Ünal, “Turkey’s Relations With Israel in the 2000s,” 139.

⁶⁸ Amalia Putri Handayani, “Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010,” *Jurnal Transnasional* 3.2 (2012), 2.

Kesimpulan

Kajian mengenai sejarah awal perkembangan hubungan Türkiye dengan Israel dari tahun 1949 hingga 2002 memperlihatkan perjalanan yang kompleks dan penuh dinamik antara kedua-dua negara. Hubungan diplomatik antara Türkiye dan Israel bermula pada 1949, apabila Türkiye mengakui kewujudan negara Israel, yang menandakan permulaan hubungan rasmi antara kedua-dua negara. Pada awalnya, hubungan ini dibentuk atas dasar kepentingan strategik, dengan Türkiye yang mengamalkan dasar sekular pro-Barat di bawah pimpinan Mustafa Kemal Atatürk dan penggantinya, İsmet İnönü. Kerjasama antara Türkiye dan Israel melibatkan pelbagai dimensi, termasuk diplomatik, ketenteraan, dan ekonomi yang dipengaruhi oleh faktor-faktor politik domestik di Türkiye serta geopolitik yang berkembang di Timur Tengah. Dalam fasa awal, hubungan antara Türkiye dan Israel menunjukkan kelancaran melalui kerjasama dalam bidang ekonomi dan ketenteraan dengan Türkiye menjadi negara majoriti Muslim pertama yang mengiktiraf Israel pada 1949. Persetujuan awal ini membawa kepada hubungan diplomatik yang semakin kukuh pada 1950-an, terutamanya dengan pelantikan duta dan perjanjian-perjanjian penting. Namun, krisis-krisis serantau, seperti krisis Terusan Suez pada 1956 dan ketegangan politik domestik di Türkiye, membawa kepada pasang surut dalam hubungan tersebut. Hubungan ini terus dipengaruhi oleh faktor luar seperti konflik Palestin-Israel yang sentiasa mencabar kestabilan hubungan dua hala.

Pada dekad 1990-an, selepas Perang Dingin, hubungan Türkiye-Israel mencapai kemuncak dengan penandatanganan perjanjian-perjanjian strategik terutamanya dalam kerjasama ketenteraan dan ekonomi. Persidangan Madrid 1991 menjadi titik perubahan penting, dengan Türkiye meningkatkan kerjasama diplomatiknya bersama Israel sebagai sebahagian daripada penyelesaian konflik di Timur Tengah. Bagaimanapun, ketegangan domestik dalam Türkiye, terutama selepas pembentukan kerajaan RefahYol pada 1996 menunjukkan cabaran dalam menyeimbangkan hubungan pro-Barat dengan sokongan terhadap negara-negara Arab, terutamanya Palestin. Secara keseluruhannya, hubungan Türkiye-Israel dari 1949 hingga 2002 mencerminkan usaha kedua-dua negara untuk mengukuhkan

kedudukan masing-masing di Timur Tengah melalui kerjasama strategik, namun ia tidak terlepas dari ketegangan yang wujud akibat faktor-faktor geopolitik dan domestik. Walaupun hubungan ini menunjukkan kemajuan dalam beberapa bidang, analisis retrospektif terhadap warisan Perjanjian Sykes-Picot dan strategi imperialis yang memecah kesatuan politik Islam menunjukkan bahawa hubungan Türkiye–Israel bukan sekadar hubungan dua hala semasa, tetapi juga merupakan pantulan memori sejarah dan keinginan Türkiye untuk mengukuhkan kembali peranannya dalam dunia Islam. Meskipun terdapat kerjasama dalam aspek ekonomi dan ketenteraan, tekanan domestik serta sentimen solidariti umat Islam terhadap Palestin turut mempengaruhi pendirian Türkiye terhadap Israel.

Rujukan

- Ali Balcı. *Türkiye Dış Politikası: İlkeler, Aktörler, Uygulamalar*. Istanbul: Etkileşim, 2013.
- Ali Çiftçi. “At the Beginning of World War II President İnönü’s Efforts to Create Unity in Domestic Politics.” Dalam *Congress Book Innovation Global Issues Congress V 2019*. Ed. Ragıp Pehlivanlı, Karlygash Ashirkhanova & Nurettin Bilici Ankara, 2-4 Mei 2019.
- Amalia Putri Handayani. “Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010.” *Jurnal Transnasional* 3.2 (2012): 1-16.
- Augustyn, Adam. “Treaty of Lausanne.” Laman sesawang *Britannica*. Diakses 5 Mei 2025, <https://www.britannica.com/event/Treaty-of-Lausanne-1923>.
- Binnur Özkeçeci-Taner. “From Allies to Frenemies and Inconvenient Partners: Image Theory and Turkish-Israeli Relations.” *Perceptions* 17.3 (2012): 105-129.
- Bir, Ç. & Sherman. “M. Formula for Stability: Turkey Plus Israel” *Middle East Quarterly* 9 (2002). <https://www.meforum.org/middle-east-quarterly/formula-for-stability-turkey-plus-israel>.
- Bülent Aras. “The Academic Perceptions of Türkiyesh-Israeli Relations.” *Alternatives: Türkiyesh Journal of International Relations* 1.1 (2002): 1-17.

- British War Cabinet. *The Strategic Importance of Syria to the British Empire [CAB 24/80/241]*. Kew, UK, 1918.
- Derviş Fikret Ünal. "Turkey's Relations With Israel in the 2000s: A Constructivist Perspective." Tesis Kedoktoran Middle East Technical University, 2016.
- Directorate of Communications. "As Muslims, it is Imperative for us to act in Unity and Solidarity." Laman sesawang *Republic of Türkiye Directorate of Communications*. Diakses 25 Jun 2025, <https://www.iletisim.gov.tr/english/haberler/detay/as-muslims-it-is-imperative-for-us-to-act-in-unity-and-solidarity>.
- _____. "We will not allow a new order whose borders will be drawn with blood to be established in our region" laman sesawang *Republic of Türkiye Directorate of Communications*, diakses 25 Jun 2025, <https://www.iletisim.gov.tr/English/haberler/detay/we-will-not-allow-a-new-order-whose-borders-will-be-drawn-with-blood-to-be-established-in-our-region>.
- Efraim Karsh. "An Inevitable Conflict." *Middle East Quarterly* 24. 3 (2017): 7-23.
- Efron, Shira. *The Future of Israeli-Turkish Relations*. Santa Monica: Rand Corporation, 2018.
- Frederick Hirtzal, *Memorandum on Caliphate and Muslim policy [IOR/L/PS/18/B247] British Library: India Office Records*. London, UK, 1917.
- George E. Gruen. "Dynamic Progress in Turkey-Israeli Relations." *Israel Affairs* 1.4 (1995): 44-70.
- Gilbert, Martin. *Israel: A History*. New York: Harper Perennial, 2008.
- Gökçe, Onur. "The Dynamics of Turkish-Israeli Relations." *All Azimuth: A Journal of Foreign Policy and Peace* 1.2 (2012): 55-68.
- Hale, William. *Türk Dış Politikası: 1774-2000*, Istanbul: Mozaik, 2003.
- Halil Erdemir. "How Worthy Israeli Relations for Turkey?." *Alternatives: Türkiye Journal of International Relations* 9.2 (2010): 24-38.

- Haydar Oruc. "Turkey Will Always Stand for Free and Independent Palestine." Laman sesawang *Italian Institute for International Political Studies*. Diakses pada 6 Jun 2025, <https://www.ispionline.it/en/publication/turkey-will-always-stand-free-and-independent-palestine-26777>.
- Kamil Dąbrowski. "The Concept of a Secular State in the Political Thought of the Presidency of Mustafa Kemal Atatürk." *Teka Komisji Prawniczej PAN Oddział w Lublinie* 17.2 (2024): 99-107.
- Kinross, Patrick. *Atatürk The Rebirth of A Nation*. London: Weidenfeld and Nicolson, 1965.
- Kissinger, Henry. *World Order*. Great Britain: Clays Ltd, St Ives, 2014.
- Kosebalaban, H. "The Crisis on Turkish-Israeli Relations: What is its Strategic Significance?." *Middle East Policy* 17.3 (2010), 36-50.
- Landy, Paul. "Buying the Periphery Pact? The Policy of the United States towards the Periphery Pact arrangements between Iran, Israel and Turkey during the Eisenhower Administration, 1963-61." Disertasi Sarjana, Faculty of Humanities, Leiden University, 2021.
- Liel, Alon. "Turkey and Israel: A Chronicle of Bilateral Relations." *Ramat Gan: Mitvim* (2017): 1- 6.
- M. Arfan Mu'ammam. "Kritik Terhadap Sekularisasi Turki: Telaah Historis Transformasi Turki Usmani." *Episteme* 11.1 (2016): 117-148.
- Mehmet Gönlübol. *Olaylarla Türk Dış Politikası (1919-1995)*. Ankara: Siyasal Kitapevi, 1996.
- Mehmet Hişyar Korkusuz & Ersoy Kutluk. "From the Ottoman Empire to the Republic of Turkey Manifestations of Nationalisms and National Imaginations." *Mukaddime* 6.2 (2016): 237-262.
- Mets, Helen Chapin. *Turkey A Country Study*. Washington: Federal Research Division, Library of Congress, 1996.
- Michael B. Bishku. "How Has Turkey Viewed Israel?." *Israel Affairs* 12.1 (2006): 177-194.
- Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Türkiye:*

- Pemeriksaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015.
- Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. "Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan." *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6.1 (2019): 1-14.
- Ofra Bengio. *The Turkish-Israeli Relationship: Changing Ties of Middle Eastern Outsiders*. New York: Palgrave Macmillan, 2004.
- Patten, Howard A. *Israel and the Cold War: Diplomacy, Strategy and the Policy of the Periphery at the United Nations*. London: I.B.Tauris, 2013.
- Süha Bölükbaşı. "Behind the Türkiye-Israeli Alliance: A Türkiye View." *Journal of Palestine Studies* 29.1(1999): 21-35.
- Walker, Joshua. "Turkey and Israel's Relationship in the Middle East." *Mediterranean Quarterly* 17.4 (2006): 60-90.
- Yilmaz, Ercan. "Turkey-Israel Relations in the Post-Cold War Era." *Journal of Management and Economics Research* 6. 10 (2008): 162-171.
- Yücel Bozdağlıoğlu. *Türkiyesh Foreign Policy and Türkiyesh Identity: A Constructivist Approach*. New York: Routledge, 2003.